

**PERMOHONAN UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN
PENTADBIR AKADEMIK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

BIL	PERKARA	MAKLUMAT
1.	Kekosongan Jawatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. KETUA UNIT KEPIMPINAN PELAJAR (UKP) 2. KOORDINATOR UNIT KOMUNIKASI KORPORAT 3. KOORDINATOR INDUSTRY, COMMUNITY AND ALUMNI NETWORK (ICAN) 4. PENYELARAS UNIT PERKHIDMATAN OKU
2.	Kriteria-kriteria calon yang dikehendaki	Sila rujuk Lampiran B dan Pekeliling Akademik Universiti Teknologi MARA Bilangan 18 Tahun 2023
3.	Cara-cara memohon	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengisi borang yang disertakan bersama dua (2) keping gambar berukuran passport. 2. Mengemukakan <i>curriculum vitae</i> (cv) yang lengkap (mengandungi butir-butir peribadi, maklumat kerjaya, sumbangan kepada Universiti dan masyarakat serta dua orang referee peribadi). 3. Nyatakan kelebihan dan sumbangan profesional yang boleh diberikan kepada Universiti sekiranya dipilih memegang jawatan ini (tidak lebih dari dua muka surat sahaja).
4.	Tarikh tutup permohonan	16 Januari 2025 (Khamis)
5.	Permohonan hendaklah dihantar kepada	Timbalan Pendaftar Kanan Bahagian Pentadbiran UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang 18500 Machang Kelantan

**KRITERIA PEMILIHAN JAWATAN
PENTADBIR AKADEMIK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

Pemilihan jawatan mestilah berasaskan kepada kriteria-kriteria seperti berikut:

i. Kecemerlangan Akademik

Penyandang mestilah telah disahkan dalam perkhidmatan, mempunyai kelayakan akademik, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod baik dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran, dan cemerlang dalam khidmat profesional.

ii. Kebolehan Memimpin dan Mengurus Penyandang mestilah :

- a. Mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang dan dihormati.
- b. Mempunyai *people skills* yang boleh menerajui transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik: memiliki kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.
- c. Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaiannya dalam apa juga situasi.
- d. Berkeupayaan mengenalpasti konflik dan menguruskan dengan baik serta berhemah.
- e. Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan universiti dan pendidikan tinggi negara secara keseluruhannya.

iii. Reputasi

Penyandang mestilah:

- a. Menjadi '*role model*' kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.
- b. Mempamerkan sifat kepimpinan melalui teladan kepada mereka yang di bawah pimpinannya.

iv. Personaliti

Penyandang mestilah:

- a. Seorang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.
 - b. Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni dan Negara.
- v. Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai berdasarkan *niche* area Universiti.